

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia Online
Tarikh : 22/08/2019
Edisi / Muka surat : www.utusan.com.my
Tajuk : **Angkasa Lancar Pakej Umrah Kasih Sayang**

Angkasa Lancar Pakej Umrah Kasih Sayang



KUALA LUMPUR 22 Ogos 2019 - Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah (tiga dari kiri), dan Ketua Pegawai Eksekutif Ecoriths Leisure Travel and Tours Sdn Bhd, Azman Ibrahim (dua dari kanan), bertukar dokumen pada Majlis Pelancaran Program Umrah Korperasi bersama ANGKASA, di Wisma ANGKASA, di sini hari ini.
- 22 Ogos 2019 2:24 PM

KUALA LUMPUR 22 Ogos - Bagi membantu ahli-ahli koperasi menunaikan umrah, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) melancarkan pakej umrah kasih sayang untuk memudahkan ahli ke Tanah Suci.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pakej tersebut diperkenalkan menerusi kerjasama dengan syarikat pengendali umrah, Eco Riths Leisure Travel & Tour Sdn. Bhd. (Ecoriths).

"Menerusi pakej tersebut ahli boleh mengerjakan umrah dengan cara membuat pinjaman daripada koperasi.

"Koperasi akan membuat bayaran kepada syarikat pengendali umrah dan pinjaman akan dipotong daripada gaji ahli," katanya kepada pemberita ketika sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Program Umrah Koperasi Bersama Angkasa di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ecoriths, Datuk Rithsman Mohamed.

Dalam majlis tersebut Angkasa menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Ecoriths.

-UTUSAN ONLINE